



DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK ATURAN URUSAN MESYUARAT

PERSIDANGAN HARI KEEMPAT MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL KETIGA DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK KELAPAN BELAS KHAMIS, 08 NOVEMBER 2018 (30 SAFAR 1440H) JAM 9:00 PAGI

1. **Bacaan Doa oleh Setiausaha DUN Sarawak**
2. **Pemasyhuran daripada Tuan Speaker**
3. **Pertanyaan-Pertanyaan Bagi Jawapan-Jawapan Lisan**

145. YB TUAN HAJI RAZAILI BIN HAJI GAPOR (N.29 BETING MARO)

Bertanya kepada Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan

Apakah status terkini cadangan untuk membina Jambatan Batang Lupar, Jambatan Batang Saribas dan Jambatan Sg Krian yang menjadi pelengkap kepada Lebuhraya Pesisir di jajaran Sebuyau Beladin/ Pusa dan Sesang?

146. YB DATO' HAJI IDRIS BIN HAJI BUANG (N.16 MUARA TUANG)

Bertanya kepada Menteri Utiliti

Kerajaan Negeri telah memperuntukan RM2 billion untuk mengatasi masalah air di seluruh Sarawak. Setakat manakah kerja-kerja berkaitan telah dilaksanakan dan apakah tindakan selanjutnya?

147. YB ENCIK MARTIN BEN (N.22 KEDUP)

Bertanya kepada Ketua Menteri

Apakah pelan strategik Kerajaan untuk membangunkan semula atau menambahbaik kawasan ICQ Tebedu dan menarik pelabur ke kawasan perindustrian ringan Bandar Mutiara, di Daerah Tebedu?

148. YB ENCIK CHUKPAI UGON (N.66 MURUM)

Bertanya kepada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan E-Dagang

- a) Apakah perancangan Kerajaan untuk melaksanakan Program e-Dagang untuk usahawan di luar bandar dan DUN Murum?
- b) Adakah Kerajaan bercadang untuk membina Anjung Usahawan di luar bandar dan DUN Murum?

149. YB DATUK DING KUONG HIING (N.46 MERADONG)

To ask the Minister for Industrial and Entrepreneur Development

Is there any plan for the Ministry to introduce new light industrial estates in Meradong as the existing industrial area is near to the housing estates, schools, sports complex and Government departments and deemed unsuitable for its original planned purpose?

150. YB ENCIK JOHNICHAL RAYONG ANAK NGIPA (N.33 ENGKILILI)

Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah

Bilakah pihak Kerajaan akan menyukat ukur sekeliling tanah para peserta SALCRA dan seterusnya memberikan mereka hak milik geran tanah yang telah diusahakan sekian lama di kawasan San Semanju, Merindun dan kawasan-kawasan di DUN Engkilili?

151. YB PUAN VIOLET YONG WUI WUI (N.10 PENDING)

To ask the Minister for Infrastructure Development and Transportation

- a) Why is there no action taken thus far to reduce the traffic congestions and solve the massive traffic jam problem along Jalan Tun Razak Kuching?
- b) What are the Ministry's reasons/excuses for not tackling the problem all these years?

152. YB ENCIK MAJANG ANAK RENGGI (N.70 SAMALAJU)

Bertanya kepada Menteri Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi

Apakah status cadangan Kerajaan untuk membina sebuah sekolah menengah dan sebuah sekolah rendah di Samalaju?

153. YB ENCIK MOHAMMAD RAZI BIN SITAM (N.35 SARIBAS)

Bertanya kepada Menteri Pelancongan, Seni, Kebudayaan, Belia dan Sukan

Apakah perancangan Kerajaan untuk membina sebuah stadium/kompleks sukan di setiap daerah dan daerah kecil di seluruh Negeri Sarawak?

154. YB DATO' SRI HUANG TIONG SII (N.45 REPOK)

To ask the Minister for Local Government and Housing

- a) What are the strategic approaches by the Government to overcome the flash flood in DUN Repok?
- b) Is there any master plan to overcome the issues during heavy downpour?

155. YB ENCIK YUSSIBNOSH BALO (N.57 TELLIAN)

Bertanya kepada Ketua Menteri

Setakat manakah kemajuan "digital economy" yang telah dilaksanakan di negeri ini?

156. YB ENCIK FAZZRUDIN BIN HAJI ABDUL RAHMAN (N.6 TUPONG)

Bertanya kepada Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak

Berapakah jumlah kekuatan pentadbiran Agensi Anti Dadah Kebangsaan di Negeri Sarawak dan perbandingan kekuatan pentadbiran di antara negeri-negeri yang lain dalam Malaysia?

157. YB ENCIK RIPIN BIN LAMAT (N.72 LAMBIR)

Bertanya kepada Menteri Pembangunan Perindustrian Dan Usahawan

Apakah program-program dan skim-skim sokongan usahawan muda yang disediakan oleh pihak Kerajaan untuk membantu para usahawan muda untuk mengembangkan perniagaan, pengeluaran dan pemasaran produk?

158. YB PUAN HAJAH SIMOI BINTI HAJI PERI (N.28 LINGGA)

Bertanya kepada Ketua Menteri

Adakah kerajaan bercadang untuk membina Balai Polis dan Klinik Kesihatan Maludam yang baharu untuk menggantikan bangunan yang sudah lama dan tidak kondusif?

159. YB ENCIK ROLLAND DUAT ANAK JUBIN (N.48 MELUAN)

Bertanya kepada Menteri Utiliti

Apakah status Projek Air Terawat (BALB) dari Rumah Ukam Ng. Engkamop/ Rumah Ama/ Rumah Berandah/ SK Ng. Entaih/ Klinik Desa Ng. Entaih/ Rumah Renggan Taman Gerugu Entaih?

160. YB ENCIK WILSON NYABONG ANAK IJANG (N.61 PELAGUS)

Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah

Berapakah peruntukan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk mendirikan Pusat Latihan Pertanian di Nanga Mujong Bahagian Kapit?

161. YB ENCIK SAFIEE BIN AHMAD (N.43 DARO)

Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan

Bilakah Balai Bomba dan Penyelamat DUN Daro akan mula beroperasi dan berapa bilangan anggota yang akan ditempatkan serta jumlah/jenis aset yang akan dibekalkan/disediakan?

162. YB ENCIK JOHN ANAK ILUS (N.23 BUKIT SEMUJA)

Bertanya kepada Menteri Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi

Apakah status setakat ini, mengenai perancangan pihak Kerajaan berhubung cadangan untuk mendirikan Sekolah Kebangsaan Sri Sadong, Serian?

163. YB ENCIK JEFFERSON JAMIT ANAK UNYAT (N.63 BUKIT GORAM)

Bertanya kepada Menteri Pelancongan, Seni, Kebudayaan, Belia dan Sukan

Adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk mewujudkan Pejabat untuk Lembaga Pelancongan Sarawak (STB) memandangkan di Kapit mempunyai banyak tempat-tempat menarik sebagai tarikan pelancong?

164. YB ENCIK DENNIS NGAU (N.77 TELANG USAN)

To ask the Minister for Infrastructure Development and Transportation

- a) What is the percentage of achievement against the schedule of work on Long Lama Bridge across Baram River situated at Long Lama town to date?
- b) When is the Marudi Bridge to start its construction?

165. YB ENCIK SEE CHEE HOW (N.11 BATU LINTANG)

To ask the Chief Minister

- a) Is it pre-requisite and SOP to obtain consent of affected residents for the erecting of telecommunications towers in close proximity to residential houses?
- b) What are their safeguards against hazardous Electro Magnetic Field (EMF) and Radio Frequency (RF) emissions?

166. YB DATO HENRY HARRY ANAK JINEP (N.2 TASIK BIRU)

To ask the Minister for Modernisation of Agriculture, Native Land and Regional Development

What is the plan by the Government to promote and prepare the rural community to develop underutilised pockets of land especially in DUN Tasik Biru?

167. YB IR CHRISTOPHER GIRA ANAK SAMBANG (N.59 TAMIN)

Bertanya kepada Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan

Apakah status cadangan menaiktaraf Jalan Pasai Siong Hilir dan Jalan Kemena seperti yang telah diluluskan oleh YAB Ketua Menteri semasa lawatan ke Pekan Selangau pada 6hb Mei 2018?

168. YB ENCIK MOHAMAD CHEE BIN KADIR (N.40 KABONG)

Bertanya kepada Menteri Utiliti

- a) Bilakah permohonan-permohonan untuk penyambungan bekalan elektrik ke rumah-rumah dapat dilaksanakan?
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan memberi peruntukan untuk tujuan tersebut memandangkan Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai kewangan yang kukuh untuk melaksanakan permohonan rakyat Sarawak?

169. YB ENCIK AWLA BIN DRIS (N.25 SIMUNJAN)

Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan

Sejak kebelakangan ini kediaman dan perumahan yang kondusif amat diperlukan di DUN N25 Simunjan kerana kesesakan khasnya di Simunjan Proper. Apakah inisiatif pihak Kerajaan untuk memulakan rancangan perumahan rakyat di Simunjan Proper?

170. YB DATUK MONG ANAK DAGANG (N.31 BUKIT BEGUNAN)

To ask the Minister for Modernisation of Agriculture, Native Land and Regional Development

Works on the much anticipated Bijat/Stumbin Granny Area seems to have stopped. What is status and progress of the project?

171. YB ENCIK ALI ANAK BIJU (N.39 KRIAN)

Bertanya kepada Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli

Apakah status terkini ataupun peratusan siap program pemetaan dan pemberian geran pemilik tanah persendirian di bawah seksyen 18- Kanun Tanah Negeri Sarawak (*Sarawak Land Code*) untuk kawasan Kabo, Krian, seluas 1032 hektar, yang telah terdahulu di sukat keliling (*perimeter survey*)?

172. YB ENCIK ABDUL YAKUB BIN HAJI ARBI (N.58 BALINGIAN)

Bertanya kepada Menteri Utiliti

Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri Sarawak ke atas permasalahan bekalan air bersih di kawasan Daerah Kecil Balingian, Kuala Balingian, Setuan Besar, Setuan Kecil, Setejok, Bayan Tasik, Bayan Ulu, Bukit Ambun, Liok dan Temesu?

173. YB ENCIK MAJANG ANAK RENGGI (N.70 SAMALAJU)

Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan

Apakah status pelaksanaan sistem pengurusan sisa bersepadu di Taman Perindustrian Samalaju?

174. YB ENCIK GERALD RENTAP JABU (N.36 LAYAR)

Bertanya kepada Menteri Utiliti

Apakah bantuan yang dapat diberi dari segi kos pemindahan meter air dan elektrik kepada Rumah Panjang atau Kampung yang membina baru di tapak yang berdekatan?

175. YB IR AIDEL BIN LARIWOO (N.24 SADONG JAYA)

Bertanya kepada Ketua Menteri

Masalah “Scam” sedang tular pada masa ini. Apakah tindakan yang perlu diambil bagi meningkatkan kesedaran masyarakat sejagat terutamanya warga emas, berkenaan penipuan di atas talian yang kian berleluasa oleh pihak yang tidak bertanggungjawab ini?

176. YB DATO' SRI HUANG TIONG SII (N.45 REPOK)

Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah

- a) Apakah perancangan Kerajaan untuk meningkatkan hasil pertanian dalam kalangan petani di DUN Repok?
- b) Apakah status pembinaan jalan kebun di DUN Repok?

177. YB ENCIK MARTIN BEN (N.22 KEDUP)

Bertanya kepada Ketua Menteri

Adakah Kerajaan Negeri membenarkan pengambilan pekerja asing dari negara lain selain daripada Indonesia untuk bekerja di sektor perladangan?

178. YB DATUK TIONG THAI KING (N.52 DUDONG)

To ask the Minister for Local Government and Housing

As the central sewage system has already been implemented in Kuching and such system is also in progress in Miri, when will the central sewage system in Sibu are implemented?

179. YB ENCIK DENNIS NGAU (N.77 TELANG USAN)

To ask the Chief Minister

What is the plan how and when would State Government provide telecommunication line (coverage) at all longhouses or settlement in rural Sarawak within the Highland Development Agency (Telang Usan and Mulu constituency)?

180. YB IR LO KHERE CHIANG (N.13 BATU KITANG)

To ask the Minister for Urban Development and Natural Resource

Are there any Kampung Extension Schemes being planned to Kampung Sandong/Kampung Batu Kitang Jaya/Kampung Lidah Tanah and Kampung Bukit Panchor to accommodate the increasing population?

181. YB ENCIK JOHNNICAL RAYONG ANAK NGIPA (N.33 ENKILILI)

Bertanya kepada Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan

Adakah pihak Kerajaan akan bercadang menaiktaraf Jalan Lidong/Jalan Tisaj/Jalan Kaong/Nanga Skrang, Kawasan DUN Engkilili?

182. YB ENCIK FAZZRUDIN BIN HAJI ABDUL RAHMAN (N.6 TUPONG)

Bertanya kepada Menteri Utiliti

Dimanakah projek-projek berkenaan Bekalan Air Luar Bandar yang diumumkan oleh YAB Ketua Menteri dan apakah status pelaksanaannya dan apakah proses-proses seterusnya dalam pelaksanaannya?

183. YB ENCIK ROLLAND DUAT ANAK JUBIN (N.48 MELUAN)

Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan

Apakah status terkini projek pembinaan Klinik Ng. Kemalih?

184. YB ENCIK SAFIEE BIN AHMAD (N.43 DARO)

Bertanya kepada Menteri Utiliti

Bilakah Kerajaan akan menyambung bekalan elektrik ke beberapa penempatan seperti berikut:

- a) 4 buah Rumah Panjang di Sg Serban, Daro;
- b) 7 buah Rumah Panjang di Ng. Passin, Matu;
- c) Rh. Johari, Rh Selat, Rh Geruka dan Kpg Sawai. Matu;
- d) 7 buah Rumah Panjang di Ng. Lassa, Sibui; dan
- e) Rh. Ujang, Sg Mawan, Rh. Franchis Kiyai, Singat dan Rh. Hudson Madut, Sebinjai, Sibui.

185. YB DATO' MURSHID DIRAJA DR JUANDA BIN JAYA (N.44 JEMORENG)

Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah

Apakah wujud cadangan-cadangan besar pihak Kerajaan bagi projek-projek pertanian yang dilakukan terhadap kawasan pesisir Sarawak memandangkan kawasan lain mendapat perhatian lebih berbanding kawasan pesisir dan apakah yang telah dilakukan dan apakah ia mencapai sasaran yang ditetapkan?

186. YB DATUK AMAR HAJAH JAMILAH HAJI ANU (N.3 TANJUNG DATU)

Bertanya kepada Ketua Menteri

Apakah status tadbir urus RELA di Sarawak dan status pembinaan Pusat Latihan RELA di Sematan yang telah dirancang dan berjumlah RM165 juta?

187. YB TUAN HAJI RAZAILI BIN HAJI GAPOR (N.29 BETING MARO)

Bertanya kepada Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli

- a) Adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk melaksana Skim Pembesaran Kampong bagi menyediakan keperluan mendesak tapak rumah untuk keluarga generasi kedua bagi Kpg Tambak, Kpg Pusa dan Kpg Beladin?
- b) Apakah status Projek Perumahan Rakyat Pusa dan Projek Perumahan Nelayan RGC Beladin?

188. YB ENCIK AWLA BIN DRIS (N.25 SIMUNJAN)

Bertanya kepada Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan

Apakah cadangan pihak Kementerian untuk mengatasi masalah hakisan tanah di Kampung Sageng Hilir dan membaiki jalan yang telah terputus akibat hakisan tanah pada tahun 2016?

189. YB ENCIK RIPIN BIN LAMAT (N.72 LAMBIR)

Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah

Apakah perancangan Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan dan membantu petani-petani di luar bandar untuk mengusahakan tanaman secara komersial seperti menanam durian berkualiti tinggi, tanaman sayuran dan ternakan?

190. YB DATO' SRI HUANG TIONG SII (N.45 REPOK)

Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan

Adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk menambah pembinaan rumah kos rendah dan sederhana di DUN Repok?

191. YB ENCIK SEE CHEE HOW (N.11 BATU LINTANG)

To ask the Minister for Infrastructure Development and Transportation

With the completion of the shallow underpasses at Petra Jaya, will the State Government undertake to upgrade the 5 more junctions identified in 2013 estimated to cost RM12 million each with competitive tenders?

192. YB ENCIK ALLAN SIDEN GRAMONG (N.50 MACHAN)

To ask the Minister for Utilities

- a) What are the causes of low water pressure in Kanowit?
- b) Is there any plan to upgrade the Bukit Memaloh Water Plant and when will the upgrading work be implemented and how much will it cost?
- c) Is there any plan to build Kanowit's own Central Water plant?

193. YB ENCIK CHUKPAI UGON (N.66 MURUM)

Bertanya kepada Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak

Apakah usaha Kerajaan untuk membanteras gejala social dan penyalahgunaan dadah yang semakin berleluasa dalam kalangan belia diluar bandar terutamanya di DUN Murum?

194. YB PUAN HAJAH SIMOI BINTI HAJI PERI (N.28 LINGGA)

Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah

Apakah usaha kerajaan untuk meningkatkan pendapatan petani dan nelayan DUN Lingga agar mereka tidak bergantung dengan padi dan hasil tangkapan yang tidak menentu dan menjadi petani dan nelayan moden?

195. YB ENCIK JOHN ANAK ILUS (N.23 BUKIT SEMUJA)

Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan

Pernahkah pihak Kerajaan membuat kajian atau perancangan bagi mengenalpasti punca, sebab dan akibat kawasan Serian khususnya di sepanjang Sg. Sadong sering dilanda banjir?

196. YB ENCIK YUSSIBNOSH BALO (N.57 TELLIAN)

Bertanya kepada Menteri Pelancongan, Seni, Kebudayaan, Belia dan Sukan

Apakah peranan Kementerian untuk memajukan bidang sukan di Sarawak?

197. YB ENCIK ALEXANDER ANAK VINCENT (N.49 NGEMAH)

To ask the Minister for Utilities

Is there any plan by the Government to implement the Sarawak Alternative Rural Electrification Scheme (SARES) projects in the remote settlement areas with no electricity supply particularly in Nanga Kajah, Rantau Lugai and Lubok Tanjung, Nanga Jagauin Ngemah Constituency?

198. YB DATO' MURSHID DIRAJA DR JUANDA BIN JAYA (N.44 JEMORENG)

Bertanya kepada Menteri Pelancongan, Seni, Kebudayaan, Belia dan Sukan

- a) Apakah inisiatif pihak Kerajaan untuk melibatkan kawasan luar bandar maju dalam bidang pelancongan?
- b) Apakah yang telah dilakukan oleh Kerajaan untuk memastikan Rumah Panjang Melanau di Matu terus menjadi daya tarikan untuk para pelancong dari luar Matu?

199. YB DATO' HAJI IDRIS BIN HAJI BUANG (N.16 MUARA TUANG)

Bertanya kepada Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli

Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk mengatasi keperluan pembesaran kampung tradisi dimana adanya permasalahan kepadatan penduduk di kawasan Samarahan?

200. YB ENCIK MOHAMMAD RAZI BIN SITAM (N.35 SARIBAS)

Bertanya kepada Ketua Menteri

Berapa menara telekomunikasi yang telah dan akan dibina di kawasan DUN Saribas?

201. YB ENCIK WONG KING WEI (N.9 PADUNGAN)

To ask the Minister for Infrastructure Development and Transportation

What is the status of the tendering process of projects of coastal highway and second trunk road?

202. YB ENCIK ABDUL YAKUB BIN HAJI ARBI (N.58 BALINGIAN)

Bertanya kepada Menteri Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi

Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap sekolah yang berisiko bencana iaitu SK Kenyana dan SK Jebungan?

203. YB IR AIDEL BIN LARIWOO (N.24 SADONG JAYA)

Bertanya kepada Menteri Utiliti

Masalah air masih lagi berlaku di kawasan luar Bandar Negeri Sarawak.

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan lagi kadar bekalan air bersih di kawasan luar Bandar?
- b) Projek peningkatan kadar bekalan air bersih luar Bandar sedang dilaksanakan, adakah bekalan air bersih kawasan mencukupi?

204. YB ENCIK MAJANG ANAK RENGGI (N.70 SAMALAJU)

Bertanya kepada Ketua Menteri

Apakah status cadangan pengwujudan daerah baharu di Samalaju?

205. YB ENCIK JOHNNICAL RAYONG ANAK NGIPA (N.33 ENKILILI)

Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah

Apakah langkah-langkah pihak Kerajaan dari segi bantuan dan subsidi bagi menggalakkan kegiatan pertanian di kawasan DUN Engkilili?

206. YB ENCIK MOHAMAD CHEE BIN KADIR (N.40 KABONG)

Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan

Pantai di kawasan Ulu Alit telah banyak musnah akibat ombak besar dan hakisan dari Sungai Ulu Alit. Adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk mengalih muara Sungai Ulu Alit agar hakisan teruk dapat dielakkan?

207. YB ENCIK SAFIEE BIN AHMAD (N.43 DARO)

Bertanya kepada Menteri Utiliti

Apakah status pelaksanaan projek yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM29.8 juta bagi menangani masalah tekanan air rendah dan bekalan air yang selalu terputus di kawasan DUN Daro dan bilakah projek ini dijangka siap?

208. YB ENCIK ROLLAND DUAT ANAK JUBIN (N.48 MELUAN)

Bertanya kepada Ketua Menteri

Bilakah menara telekomunikasi SK Ng. JU, SK Ulu Entabai, SK Ulu Entaih, SK Ng Ensiring/ SK Ng Jambu, SK Tapang Punggu dan SK Lubok Assam dilaksanakan?

209. YB ENCIK GERALD RENTAP JABU (N.36 LAYAR)

Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah

Apakah status Rural Transformation Centre (RTC) Betong dan pelan untuk mempertingkatkan kegunaan RTC?

210. YB ENCIK ALLAN SIDEN GRAMONG (N.36 LAYAR)

To ask the Minister for Local Government and Housing

Are there any funds available to improve the drainage system at Kampung Muhibbah Kanowit from the State Government?

211. YB TUAN HAJI RAZAILI BIN HAJI GAPOR (N.29 BETING MARO)

Bertanya kepada Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah

- a) Adakah Kerajaan bercadang membangunkan Zon Industri Akuakultur dalam kawasan DUN N.29 Beting Maro dan apakah jenis bantuan yang disediakan oleh Kerajaan bagi membantu usahawan akuakultur tersebut?
- b) Apakah status pembinaan Kompleks Pendaratan Ikan LKIM Beladin?

212. YB IR CHRISTOPHER GIRA ANAK SAMBANG (N.59 TAMIN)

Bertanya kepada Menteri Pelancongan, Seni, Kebudayaan, Belia dan Sukan

Apakah status cadangan membina Mini Kompleks Sukan Selangau seperti yang diluluskan oleh YAB Ketua Menteri semasa lawatan ke Pekan Selangau pada 6hb Mei 2018?

213. YB DATUK DING KUONG HIING (N.46 MERADONG)

To ask the Minister for Local Government and Housing

What is the latest status of the Drainage and Irrigation Master Plan for Meradong since the drainage system in Bintangor town needs improvement/upgrading very urgently in order to avoid flash floods during heavy rain?

214. YB ENCIK ALI ANAK BIJU (N.39 KRIAN)

Bertanya kepada Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli

Apakah status tuntutan pampasan masyarakat iban ke atas tanah Lemachang, Engkudu atau juga di kenali melalui G.N 2538 (21 Mei 1987) Lot 5 Blok 11 Awik Krian Land District?

215. YB ENCIK CHUKPAI UGON (N.66 MURUM)

Bertanya kepada Menteri Utiliti

Apakah perancangan dan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi kawasan Ulu Jelalong, Kawasan Tubau, Kawasan Urun dan Kawasan Ulu Linau yang belum mendapat bekalan air bersih terawat dan bekalan elektrik dan apakah statusnya?

216. YB ENCIK RIPIN BIN LAMAT (N.72 LAMBIR)

Bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan

Apakah cadangan Kerajaan untuk menaik taraf Klinik Kesihatan Tun Abang Openg di simpang Bekenu?

4. **Usul Daripada Ahli Dewan Biasa Di Bawah Peraturan Mesyuarat 15**

5. **Sambungan Perbahasan Atas Bacaan Kali Yang Kedua Rang Undang-Undang Perbekalan (2019), 2018 dan Usul Untuk Merujuk Resolusi Anggaran Pembangunan bagi Perbelanjaan Tahun 2019**

6. **Penangguhan Mesyuarat**